



St Leonard's College

Middle School

Apa yang dipelajari di Middle School dapat menjadi bekal seumur hidup apabila pelajar meneroka dan menemui minat dan kegemaran sepanjang hayat.

Middle School (tahun 7 hingga 9) merupakan masa yang penting dan kadangkala mencabar dalam peralihan menjadi seorang remaja. Pelajar mula meneroka jati diri, menguji sempadan tingkah laku, serta memahami bakat, kemampuan dan tempat mereka di dunia.

Program, kurikulum dan persekitaran sekolah Middle School kami telah direka khusus untuk membantu pembangunan akademik dan peribadi pelajar semasa tempoh perubahan dan pertumbuhan yang menguja ini. Kakitangan Middle School faham remaja memerlukan keseimbangan antara sempadan yang tegas dengan kesediaan menerima risiko. Kakitangan pakar kami, termasuk Kaunselor Middle School, menyokong mereka setiap masa.

Sambil mereka meningkat di Middle School, pilihan kurikulum yang disediakan akan beransur luas. Setiap pelajar akan diminta membuat pilihan program akademiknya. Pada tahun 7 hingga 9, berbagai-bagai mata pelajaran elektif ditawarkan. Pelajar dapat menyesuaikan program mengikut minat dan kegemaran, dan menyelidik pelbagai mata pelajaran sebelum menentukan kursus untuk tahun-tahun akhir.

Kemuncak pengalaman di Middle School ialah program Community Urban Environment (CUE) tahun 9. Program pembelajaran pengalaman ini menawarkan pelbagai aktiviti bimbingan pastoral berasaskan akademik, bagi meningkatkan kefahaman tentang komuniti setempat serta membina penghargaan terhadap kedudukan Australia di rantau Asia yang lebih luas. Pelajar menyertai aktiviti luar kelas yang direka bagi membina sifat berdikari, inisiatif dan kerjasama kumpulan, serta mendedahkan mereka kepada pengalaman dan sudut pandangan baharu. Program CUE berakhir dengan Big Experience, perjalanan tiga minggu ke sebuah negara Asia Tenggara dengan tumpuan padat pada perkhidmatan dan kelestarian alam sekitar.